

UNIT 8

KEMAJUAN EKONOMI MALAYSIA

1960-an

2020

Kuching, Sarawak



Sinopsis

Perkembangan ekonomi negara kita bermula sebelum zaman penjajahan hingga kini. Kemajuan ini bergantung pada sumbangan pelbagai sektor ekonomi. Unit ini akan membincangkan perkembangan awal sektor ekonomi negara, kegiatan ekonomi yang menyumbang kepada kemajuan negara dan menghuraikan pencapaian ekonomi. Hal ini membawa kemakmuran negara.



Apakah yang akan anda pelajari?

- 1 Perkembangan awal ekonomi negara mengikut sektor.
- 2 Kegiatan ekonomi yang menyumbang kepada kemajuan negara.
- 3 Pencapaian ekonomi negara.



Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

- 1 Meneroka bukti signifikan perkembangan awal kegiatan ekonomi di Malaysia.
- 2 Mengenal pasti sumber berkaitan dengan kegiatan ekonomi yang menyumbang kepada kemajuan negara.
- 3 Melihat perubahan dan kesinambungan terhadap pencapaian ekonomi yang membanggakan negara.



Nilai Teras Sivik

Bertanggungjawab



1980-an

2020

Pelabuhan Klang, Selangor.



Perkembangan Awal Ekonomi Malaysia

Perkembangan awal ekonomi negara kita melibatkan sektor pertanian dan perlombongan. Kegiatan ekonomi sektor ini berbentuk tradisional dan kini telah dikembangkan peranannya serta diusahakan secara komersial.

1

Ekonomi Tradisional

- Diusahakan secara kecil-kecilan.
- Menggunakan peralatan mudah seperti cangkul dan sabit.
- Memerlukan modal yang kecil dan tenaga kerja yang tidak banyak.
- Bertujuan untuk keperluan sendiri dan keluarga.

Sektor Pertanian

Sektor Perlombongan



Mengusahakan sawah padi.



Sumber: Perpustakaan Awam Kedah.



Aktiviti melombong menggunakan kaedah mendulang.

Sumber: www.ipohworld.org



CEPAT JAWAB

Apakah kaedah tradisional aktiviti perlombongan?

Pengenalan ekonomi komersial mendorong perkembangan kawasan perladangan dalam sektor pertanian dan menggalakkan pembukaan bandar-bandar di kawasan perlombongan. Perubahan ini membawa kemajuan dan kemakmuran negara.

2

Ekonomi Komersial

- Diusahakan secara perladangan.
- Menggunakan peralatan moden seperti mesin dan jentera penuai.
- Memerlukan modal yang besar dan tenaga buruh yang banyak.
- Bertujuan untuk kegunaan tempatan dan eksport.

Sektor
Pertanian

Sektor
Perlombongan



Penggunaan jentera penuai.



Penggunaan jentera kapal korek.



Perladangan getah.



Lombong emas di Sungai Lebir, Kelantan.

Sektor pertanian dan perlombongan telah menyumbang kepada pendapatan negara.



AKTIVITI

Cari maklumat tentang kegiatan ekonomi ahli keluarga anda. Bentangkan.



Pada pendapat anda, mengapakah kemajuan ekonomi penting bagi mengekalkan kemakmuran negara?



12.2.1
XX12.2.4

NOTA GURU

- Bantu murid memahami perkembangan awal ekonomi negara.



Kegiatan Ekonomi Pemacu Kemajuan Negara

Perkembangan pelbagai kegiatan ekonomi dalam sektor industri di negara kita telah menyumbang kepada pendapatan dan kemajuan negara. Kini, beberapa industri baharu telah muncul termasuklah industri getah dan kelapa sawit, petroleum dan gas, automotif dan pelancongan.



Sumber: Osman Rani, 2007. *The Economy: The Encyclopedia of Malaysia*. Kuala Lumpur: Archipelago Press dan Editions Didier Millet.



PAK-21 Pasangan Bual (Talk Partners)

1. Bentukkan empat kumpulan.
2. Cadangkan kepentingan menyokong usaha meningkatkan ekonomi negara kita.
3. Laporkan hasil perbincangan tersebut.



AKTIVITI

Senaraikan industri yang terdapat di negara kita. Bentangkan di hadapan kelas.



Industri Getah dan Kelapa Sawit

Industri getah dan kelapa sawit yang bermula sejak awal abad ke-20 merupakan sektor pertanian utama yang merangsang kemajuan ekonomi Malaysia.

Menjanakan Ekonomi Negara



1 Meningkatkan Pendapatan Negara

- Hasil getah diekspor seperti sarung tangan dan benang lateks.
- Hasil kelapa sawit yang diekspor ialah minyak mentah dan minyak yang telah diproses.

- Perladangan getah dan kelapa sawit memerlukan tenaga kerja yang banyak.
- Menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk.

2 Menyediakan Peluang Pekerjaan



3 Mewujudkan Industri Hiliran

- Industri hiliran bermaksud kegiatan yang berkembang daripada kegiatan ekonomi utama. Contohnya, pembuatan perabot daripada kayu getah.
- Menyumbang kepada pendapatan negara menerusi pasaran tempatan dan antarabangsa.

- Meningkatkan pengeluaran bahan makanan tempatan.
- Menjanakan pendapatan penduduk.

4 Memajukan Industri Asas Tani



- Industri kelapa sawit turut menghasilkan biodiesel sawit.
- Kelapa sawit diproses menjadi pelbagai produk seperti minyak dan sabun.

5 Membangunkan Industri Biodiesel

- GLOSARI**
- Biodiesel bermaksud bahan buangan organik yang digunakan sebagai bahan api.

Industri Petroleum dan Gas

Industri petroleum di negara kita bermula pada tahun 1910 di Miri, Sarawak. Penubuhan Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1974 berjaya memajukan industri petroleum dan gas negara.

1 Selamat pagi semua. Bolehkah kamu nyatakan sumbangan industri petroleum dan gas kepada kemajuan ekonomi negara?

2 Cikgu, industri tersebut telah mewujudkan peluang pekerjaan.

7 Bagus! Terima kasih kerana berkongsi maklumat. Kita perlu berbangga dengan industri petroleum negara kita. PETRONAS berperanan penting hingga peringkat antarabangsa.

6 Cikgu, industri ini juga melahirkan usahawan menerusi pembukaan stesen minyak.



Stesen minyak.





Cari gali minyak di luar pesisir pantai.



Pusat pemrosesan di darat.

3 Betul, Jia Li. Abang saya bekerja di pelantar minyak milik PETRONAS.

4 Cikgu, PETRONAS juga merupakan penaja utama sukan permotoran seperti Grand Prix Malaysia. Penganjuran sukan ini meningkatkan pendapatan negara.

5 Cikgu, industri petroleum juga menyediakan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke beberapa buah universiti seperti Universiti Teknologi PETRONAS.



The Grand Old Lady, Miri, Sarawak merupakan telaga minyak yang pertama di negara kita.

Permintaan tinggi dunia terhadap petroleum menjadikan industri petroleum sebagai penjana kemajuan ekonomi negara. Penubuhan PETRONAS berjaya memberikan pulangan pendapatan yang tinggi kepada ekonomi negara.



Kawasan cari gali minyak.

IMBAS SAYA

Industri Automotif

Industri automotif di negara kita mula diperkenalkan pada tahun 1983. Sokongan dan keyakinan rakyat menjadikan industri ini satu daripada penyumbang ekonomi negara.



PROTON

Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. juga dikenali sebagai PROTON. Kilang pembuatan kereta nasional yang pertama telah ditubuhkan pada tahun 1983 di Shah Alam, Selangor. Kilang kedua dibina di Tanjung Malim, Perak pada tahun 2005.



Model Proton Saga tahun 1985.

Sumber: Abdul Aziz Abdul Rahman dan Sumangala Pillai, 1997. MAHATHIR Kepimpinan dan Wawasan dalam Sains dan Teknologi. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

PROTON merupakan pengeluar kereta pertama di Malaysia. Proton Saga merupakan model kereta pertama negara yang dikeluarkan pada bulan Julai 1985. Kejayaan ini mendorong perkembangan industri berat dan teknologi di negara kita.



TAHUKAH ANDA?

Sebelum model Saga dilancarkan, pertandingan memilih nama kereta nasional telah diadakan. Pemenangnya ialah Encik Ismail bin Jaafar. Beliau telah menerima hadiah sebuah kereta Proton Saga 1.3L.



Pada tahun 2018, PROTON menjalin usaha sama pengeluaran kereta dengan perusahaan automotif Geely Holding Group untuk mengeluarkan model baharu.



PERODUA



Produk PERODUA, Nippa dieksport ke United Kingdom.

Penubuhan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd. atau PERODUA pada tahun 1993 merencanakan perkembangan ekonomi negara.

Model pertama PERODUA, Kancil dikeluarkan pada tahun 1994.



Perkembangan industri automotif di negara kita telah meningkatkan ekonomi negara. Pendapatan negara tidak lagi hanya bergantung pada bidang pertanian. Pencapaian industri ini membanggakan negara.

Industri Pelancongan

Industri pelancongan turut memberikan sumbangan yang besar ke arah kemakmuran negara. Malaysia yang memiliki pelbagai keistimewaan berjaya menarik pelancong.

Pelbagai promosi diadakan seperti Kempen Tahun Melawat Malaysia yang dianjurkan sejak tahun 1990 bertujuan untuk menarik kedatangan pelancong ke negara kita.

Antara Keistimewaan Malaysia yang Menjadi Tarikan Pelancong:

Tapak dan Bangunan Bersejarah

- Pengekalan tapak warisan bersejarah di negara kita amat berharga bagi industri pelancongan.
- Pemuliharaan hasil seni bina tradisional berjaya menarik kedatangan pelancong luar.



Kota A Famosa, Melaka.



Candi Bukit Batu Pahat,
Lembah Bujang, Kedah.



Istana Kenangan, Perak.



CEPAT JAWAB

Bilakah kali pertama Kempen Tahun Melawat Malaysia dianjurkan?

Keindahan Alam Semula Jadi

- Kepelbagaian flora dan fauna negara kita menarik kedatangan pelancong luar.
- Keunikan bentuk muka bumi seperti pulau, laut dan tanah tinggi menjadi destinasi pilihan pelancong.

Taman Negeri Royal Belum, Perak.



Pulau Langkawi, Kedah.



Gunung Kinabalu, Sabah.

Keharmonian Masyarakat dan Keunikan Budaya

- Keharmonian hidup masyarakat pelbagai kaum menjamin keselamatan pelancong.
- Keunikan budaya pelbagai kaum menjadi tarikan kepada pelancong.
- Pelancong juga berpeluang untuk menikmati aneka makanan tempatan pelbagai kaum.



Aneka makanan tempatan.



AKTIVITI

Secara berkumpulan, kumpulkan maklumat berkaitan dengan pelancongan kesihatan. Bentangkan hasil dapatan secara kreatif.



Sumber: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Agropelancongan

- Pelancongan yang berasaskan pertanian, perikanan, penternakan dan industri asas tani.
- Pelancong berpeluang merasai cara hidup sebenar rakyat Malaysia seperti konsep inap desa, iaitu menginap sementara bersama-sama keluarga penduduk tempatan.



Penganjuran Sukan, Muzik dan Pameran Antarabangsa

- Penganjuran perlumbaan Formula One di Sepang dan *Le Tour de Langkawi* telah menarik kedatangan pelancong yang meminati sukan tersebut.
- Penganjuran Festival Muzik Hutan Hujan Sedunia di Sarawak turut mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.
- Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA) merupakan pameran maritim dan aeroangkasa antarabangsa yang dianjurkan pada setiap dua tahun di Pulau Langkawi, Kedah.



AKTIVITI

Dengan menggunakan pelbagai sumber, kumpulkan logo penganjuran pameran LIMA. Pamerkan secara kreatif.



Pada pendapat anda, bagaimanakah rakyat dapat berkongsi kemakmuran negara?

Kegiatan ekonomi negara yang melibatkan pelbagai sektor telah menyumbang kepada pendapatan negara. Kita perlu bersyukur dan berbangga akan kemakmuran yang terdapat di Malaysia.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kegiatan ekonomi yang menyumbang kepada kemajuan negara.





Pencapaian Ekonomi Malaysia

Keluaran barangan jenama Malaysia membanggakan kita. Produk industri pertanian, industri automotif dan petroleum keluaran negara kita telah mencapai kualiti untuk kegunaan tempatan dan antarabangsa.

Kempen "Beli Barangan Buatn Malaysia" dilancarkan pada tahun 1985. Antara barangan buatan Malaysia termasuklah perabot, barangan elektrik dan elektronik serta produk makanan.



Produk Pertanian



Minyak masak



Buah durian



Sabun



Buah nanas

Produk Petroleum



Minyak petrol



Minyak pelincir kenderaan



Gas untuk memasak

Produk Automotif



Motosikal



Kereta



AKTIVITI

Secara berkumpulan, nyatakan kelebihan membeli dan menggunakan barangan buatan Malaysia. Bentangkan secara kreatif bagi menunjukkan perasaan bangga anda.



12.2.3
K12.2.6

Pencapaian pesat ekonomi negara dapat dilihat menerusi pembangunan infrastruktur, jaringan perhubungan moden yang terancang dan kegiatan e-dagang.

Pembangunan

Kewujudan bangunan pencakar langit merupakan mercu tanda yang menjadi lambang kemakmuran negara kita.

Perhubungan

Jaringan perhubungan moden yang terancang mendorong kepada kesinambungan pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Perdagangan

Kegiatan e-dagang yang semakin berkembang membuka peluang kepada rakyat untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Pencapaian pesat ekonomi membawa kemajuan kepada negara. Kita harus berasa bangga serta bersyukur dengan kemakmuran yang dikongsi bersama ini.

GLOSARI

E-dagang bermaksud proses menjalankan urusan perniagaan melalui rangkaian Internet.

AKTIVITI

Secara kreatif, hasilkan barangan jenama anda sendiri. Jual kepada rakan pada hari keusahawanan sekolah anda.

NOTA GURU

- Bimbing murid melihat perubahan dan kesinambungan pencapaian ekonomi negara.

Perkembangan Awal Ekonomi Malaysia

Perkembangan awal ekonomi di Malaysia melibatkan sektor pertanian dan perlombongan.

- Ekonomi Tradisional
 - Diusahakan secara kecil-kecilan.
 - Bertujuan untuk keperluan sendiri dan keluarga.
- Ekonomi Komersial
 - Diusahakan secara perladangan.
 - Bertujuan untuk kegunaan tempatan dan eksport.



Kegiatan Ekonomi Pemacu Kemajuan Negara

Kemajuan ekonomi dalam pelbagai sektor menyumbang kepada pendapatan negara serta mengekalkan kemakmuran.

- Industri getah dan kelapa sawit.
- Industri petroleum dan gas.
- Industri automotif.
- Industri pelancongan.



Pencapaian Ekonomi Malaysia

- Pencapaian ekonomi negara melalui keluaran barangan berjenama Malaysia.
- Pencapaian ekonomi negara dapat dilihat melalui pembangunan, perhubungan dan perdagangan.



Unit ini memberikan pemahaman tentang perkembangan dan kemajuan ekonomi negara yang membanggakan kita. Unit seterusnya, murid akan mempelajari sukan kebanggaan Malaysia.



FIKIR DAN JAWAB

Lengkapkan peta buih berganda tentang industri getah dan kelapa sawit berdasarkan maklumat yang diberikan.

Biodiesel

Minyak masak

Pertanian
tradisional

Benang lateks

Meningkatkan
pendapatan

Peralatan
mudah


Sarung tangan

Minyak mentah

Industri perabot

Perladangan

Peluang
pekerjaan



IMBAS SAYA
Fikir dan jawab

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami peta buih berganda dan melengkapkannya.
- Aktiviti boleh dijalankan secara individu atau berkumpulan.



CINTA AKAN NEGARA

Perkembangan dan kemajuan ekonomi negara yang kita nikmati pada hari ini merupakan hasil kebijaksanaan para pemimpin mengurus sumber pertanian, sumber asli dan pembuatan. Sokongan rakyat terhadap usaha membangunkan ekonomi negara membawa kemajuan dan kemakmuran negara kita.



BANK NEGARA MALAYSIA

KEDAI BUKU

Diri

Setiap warganegara perlu melibatkan diri dengan menyokong usaha meningkatkan ekonomi negara agar terus berkembang maju.

Masyarakat

Sokongan masyarakat dalam pembangunan ekonomi meningkatkan pendapatan negara.

Negara

Peningkatan pendapatan dan kemajuan ekonomi negara dapat dikongsi bersama.

